



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	27/1/2012

Tun Mahathir dianugerah ijazah kedoktoran

BANGKOK: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir

Mohamad dianugerah ijazah kehormat kedoktoran dalam hidang Sains Politik oleh Universiti Naresuandisini, hari ini.

Anugerah diberikan kerana usaha berterusan dan sumbangan besar beliau kepada rakyat Malaysia dan negara ASEAN.

Presiden universiti itu, Prof Dr Suhjin Jinahyon menyampaikan ijazah berkenaan kepada Dr Mahathir pada satu majlis di sebuah hotel di sini.

Pihak universiti turut memuatkan iklan separuh muka di dalam sebuah akhbar utama berbahasa Inggeris, mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir di atas penganugerahan itu.

Universiti Naresuan yang dinamakan sempena nama Raja Naresuan dibangunkan daripada sebuah Kolej Pendidikan pada 1967 dan kemudian ditubuhkan sebagai Campus Phitsanulok, Universiti Srinakharnwirot pada 1974 sebelum secara rasmi diberi status universiti pada 29 Julai 1990. -
BERNAMA